

Layanan rapi keutamaan hospital

Hospital Raffles bukan sahaja merawat, malah prihatin keperluan pesakit termasuk pesakit Muslim

► FARAH REZAL

rfarah@sph.com.sg

KAD, lencana penghargaan serta video antara bahan yang dikirimkan pesakit sebagai tanda rasa puas hati mereka terhadap khidmat yang diberikan kakitangan Hospital Raffles.

Pakar jantung, Dr Abdul Razakjr Omar, berkata penerimaan tanda terima kasih itu hasil peranan kakitangan hospital tersebut yang bukan sekadar merawat pesakit bahkan membina hubungan baik dengan mereka.

Beliau, yang merupakan Profesor Adjung Bersekutu dan Rakan Pengurusan Pusat Jantung Raffles, dan sudah berkhidmat di Hospital Raffles selama enam tahun berkata:

“Hospital ini menitikberatkan layanan rapi bagi pesakit. Contohnya, walaupun kos menyediakan musala di sini agak tinggi, hospital ini mengambil berat hal itu,” ujar Dr Abdul Razakjr, 45 tahun.

Seorang lagi konsultan di hospital itu, Dr Mohammed Tauqeer Ahmad,

43 tahun, mengambil berat soal kesejahteraan pesakitnya semasa menjalani rawatan. Misalnya beliau akan memastikan pesakit wanita Muslim ditemani kakitangan wanita.

Konsultan Neurologi di Pusat Sains Saraf Raffles dan Rakan Pengurusan Hospital Raffles itu sudah berkhidmat di sana selama dua tahun setengah.

Beliau berkata: “Khidmat saya bukan setakat merawat dan memberi ubat kepada pesakit. Saya juga harus meletakkan diri saya dalam keadaan mereka supaya saya dapat memahami perasaan dan keperluan mereka.”

Kakitangan hospital itu juga dilatih memahami amalan hidup, adat dan budaya pelbagai kaum supaya dapat melayani pesakit dengan baik.

Memandangkan pesakit mereka datang dari serata dunia ada kala terdapat masalah komunikasi akibat perbezaan bahasa.

Bagi mengatasi cabaran ini Hospital Raffles menawarkan khidmat perjemahan dari Pusat Pesakit Antarabangsa Hospital Raffles.



DR ABDUL RAZAKJR: Hospital Raffles berusaha bina hubungan baik dengan pesakit. – Foto-foto TUKIMAN WARJI

Kesungguhan Dr Razakjr dan Dr Ahmad dalam memberi khidmat mereka meninggalkan kesan positif ke atas pesakit mereka.

Pesakit mereka akan kembali bukan sahaja untuk rawatan lanjut, malah merujuk keluarga mereka supaya mendapatkan rawatan daripada kedua-dua doktor itu.

Konsultan Perbidanan dan Sakit



DR MOHAMMED TAUQEER AHMAD: Ambil berat soal kesejahteraan pesakit semasa menjalani rawatan.

Puan, Dr Jazlan Joosoph, 44 tahun, yang telah berkhidmat di hospital tersebut selama lapan tahun menekankan bahawa sangat penting bagi beliau mengetahui keperluan pesakitnya termasuk pesakit Muslim.

“Sebagai seorang Muslim saya sangat memahami keperluan pesakit Muslim dan sentiasa prihatin akan keperluan mereka,” ujarnya.



DR JAZLAN JOOSOPH: Sangat memahami keperluan pesakit Muslim dan prihatin keperluan mereka.

Beliau juga mempunyai kenangan manis bersama pesakit Muslim dan salah satu daripadanya ialah ketika beliau menyambut kelahiran bayi pesakitnya pada hari pertama Syawal, sambil beliau memakai baju Hari Raya dan mendengar alunan takbir.

“Saya dengan ikhlas berkorban demi pesakit saya dan ia bukan satu

beban bagi saya, malah saya tunggang gembira melihat kebahagiaan mereka,” kata Dr Jazlan.

Seorang lagi kakitangan hospital itu ialah Cik Sadiyah Mohd Yusof, pengurus Wad Pesakit Dalam dan sudah berkhidmat selama 15 tahun di Hospital Raffles.

Walaupun sudah sampai usia bersara, beliau masih terus mahu berkhidmat.

“Kami sentiasa cuba menaikkan taraf layanan terhadap pesakit supaya keperluan mereka sentiasa dijaga rapi,” ujar Cik Sadiyah.

Sementara itu, Cik Nur Farahdina Putri Kamarudin, 26 tahun, baru sahaja berkhidmat di hospital itu selama tiga tahun sebagai ahli fisioterapi.

Walaupun beliau baru berkecimpung dalam bidang itu, beliau matang dalam menjalankan tugasnya.

“Menghormati keperluan pesakit amat penting, terutama dalam bidang fisioterapi yang memerlukan sentuhan fizikal. Kami pastikan pintu bilik rawatan dikunci dan langsir di sekeliling katil rawatan ditutup,” katanya.